

# 'Individu kritik Dr M pengecut'

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Pemuda Umno menyifatkan individu yang mengkritik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai pengecut kerana hanya berani berbuat demikian ketika pemimpin itu sudah melepaskan jawatan.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pengecut itu sebelum ini tidak berani mengkritik Dr Mahathir kerana bimbang kehilangan jawatan yang berpengaruh dan ingin menjaga kepentingan peribadi.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran, dalam nada marah dan sedih berkata: "Kita tak boleh terima budaya sebegini rupa. Saya tengok mereka yang dulu berjawatan tidak berbunyi... apa

BH - 1/6/2005

sebab... kerana takut.

"Sekurang-kurangnya Tun Dr Mahathir berani (menyatakan) bila beliau tengok sesuatu yang tak kena... kalau tak bersetuju... (katakan) tak bersetuju."

Hishammuddin dipercayai merujuk tulisan editor kanan *The Star*, Datuk Wong Chun Wai, dalam ruangan mingguannya Ahad lalu.

Wong antara lain berkata: "Memang baik sekali Dr Mahathir bangkit dengan keras menentang rasuah tetapi secara peribadi, saya rasa beliau sepatutnya melakukan lebih daripada itu ketika beliau menjadi Perdana Menteri lebih daripada 20 tahun, seperti menjalankan kempen antirasuah untuk mewujudkan kesedaran mengenai kesan rasuah yang melemahkan.

"Dengan kepemimpinannya yang



**HISHAMMUDDIN bertanya sesuatu pada Zawati Yusof, guru kurang upaya dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Mas, Kota Bharu, sambil diperhatikan isterinya, Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah ketika menghadiri Majlis Menjunjung Budi Guru Pedalaman, di Putrajaya semalam. - Gambar oleh Ramdzan Masiam**

kuat, kuasa dan pengaruhnya dalam Umno, beliau melepaskan peluang untuk membawa pembaharuan termasuk penguatkuasaan undang-undang yang efektif menentang rasuah."

Kelmarin, media melaporkan Dr Mahathir yang kecewa dengan tulisan Wong berkata, pandangan sedemikian seolah-olah menuduh beliau tidak berbuat apa-apa terhadap ra-

suah ketika menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menyifatkan tulisan itu sebagai cubaan untuk menghalangnya daripada bercakap mengenai gejala itu.

Rabu lalu, dalam sesi dialog dengan peserta satu majlis ceramah di Yayasan Kepimpinan Perdana, bekas Perdana Menteri itu berkata, amalan rasuah yang dulu dilakukan secara

sembunyi, kini dibuat secara terang-terangan dan begitu pantas menjadi budaya dalam Umno.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menjunjung Budi Guru Pedalaman di sini, semalam, Hishammuddin berkata, rakyat sepatutnya menghargai jasa dan pengorbanan Dr Mahathir yang juga dihormati masyarakat antarabangsa.